

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 7 TAHUN 2015**

#### **DASAR BAHARU PEMBERIMILIKAN TANAH KERAJAAN KEPADA INDIVIDU BAGI NEGERI KELANTAN**

---

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 23/2014 yang bersidang pada 26 November 2014 melalui Kertas Bil.23/2014/D 3(3) telah menetap Dasar Baharu Pemberimilikan Tanah Kerajaan Kepada Individu Bagi Negeri Kelantan diproses mengikut kaedah seperti berikut:-

##### **1. Laporan Awal**

Pentadbir Tanah hendaklah membuka fail laporan awal dengan mengandungi perkara berikut :-

- i) Maklumat tanah yang telah dimiliki pemohon.
- ii) Pentadbir Tanah perlu memperinci laporan siasatan dari segi rentahan atas tanah(berdasarkan kenyataan pemohon, status tanah samada tanah rezab atau tanah yang diambil balik di bawah Akta Pengambilan Balik Tanah 1960.
- iii) Pemakaian pelan kunci berskala diambil kira.
- iv) Bayaran semakan RM20.00 dikenakan.
- v) Format permohonan awal sebagaimana **lampiran I**.

##### **2. Rekod Pemilikan Tanah**

- i) Rekod pemilikan tanah akan disemak dimana pemohon (suami/isteri) yang telah memiliki tanah hasil dari pemilikan tanah kerajaan seluas 6 ekar akan ditolak.

3. Syarat-syarat permohonan pemberimilikan Tanah

- i) Bagi kawasan yang diterokai sebelum tahun 1990 yang telah diusahakan 50% daripada kawasan yang dipohon dan telah berhasil secara berterusan akan diberimilik untuk satu keluarga (Suami/Isteri) dengan tertakluk syarat berikut :-
  - a) Satu lot getah tidak lebih 1.21 ha (3 ekar) dengan keluasan tidak melebihi 2.42 ha(6 ekar).
  - b) Satu lot Dusun/lain tanaman tidak lebih 0.4046Ha ( 1 Ekar)
  - c) Satu lot bangunan tidak lebih 800 mp (200 depa).
- ii) Bagi kawasan yang diterokai sebelum dan selepas tahun 1990 tetapi tidak berjaya, tanaman musnah, terbiar, diusahakan kurang daripada 50% akan diberimilik untuk satu keluarga(Suami/Isteri) dengan tertakluk syarat berikut :-
  - a) Satu lot getah tidak lebih 0.80 ha ( 2 ekar) dengan keluasan tidak melebihi 1.61ha (4 ekar).
  - b) Satu lot Dusun/lain tanaman tidak lebih 0.4046Ha ( 1 Ekar)
  - c) Satu lot bangunan tidak lebih 800 mp (200 depa)
  - d) Dikekalkan sebagaimana yang diterokai 3 ekar tetapi keluasan tidak melebihi 6 ekar akan dikenakan premium tidak kurang 30% daripada nilai pasaran semasa.
  - e) Pemohon yang mempunyai pekerjaan tetap dikenakan premium tidak kurang daripada 50% daripada nilai pasaran semasa.
- iii) Kawasan tanah lebih dari 50 ekar diletak dibawah Ketua Jajahan untuk perancangan yang akan datang.
- iv) Kawasan rentahan yang termasuk didalam kawasan pembangunan projek pertanian komersial dijadikan sebagai salah satu daripada komponen projek tersebut supaya rakyat mendapat faedah dengan cara pemberimilikan semula, pembinaan rumah dan sebagainya( Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 16 Jun 2010 dipara 3.2).

4. Jawatankuasa Temuduga Tanah.

- i) Semua permohonan yang layak didaftarkan sebelum dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan , hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Temuduga Tanah Jajahan.


Keanggotan jawatankuasa ini adalah :

- |    |  |   |           |
|----|--|---|-----------|
| a) | Timbalan Ketua Jajahan                 | - | Pengerusi |
| b) | Pen.Ketua Jajahan (P&PT)<br>Setiausaha | - |           |
| c) | Wakil JKHET mengikut ADUN              | - | Ahli      |
| d) | KPPT/PPTK                              | - | Ahli      |

5. Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan akan berperanan sebagai Jawatankuasa tanah bertindih bagi mempertimbangkan permohonan tanah bertindih.

6. Bagi laporan tanah yang telah dibuat melebihi 5 tahun perlu diangkat untuk laporan semula Penolong Pegawai Tanah.

2. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri Tersebut dan Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 14/2013 pada 10 Julai 2013 serta Arahan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan Bil.1/2013 adalah dibatalkan.

  
**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, DPSK (Kelantan)**  
**PENGARAH TANAH DAN GALIAN**  
**KELANTAN**

**KELANTAN**

**KEPADA:**

**Yang Amat Berbahagia/Yang Amat Berusaha  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan**

**SALINAN KEPADA:**

1. YAB.Dato' Ustaz Menteri Besar Negeri Kelantan
2. YB.Dato' Timbalan Menteri Besar Negeri Kelantan
3. YB.Dato'Pengerusi Jawatankuasa Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi,Pelaburan dan Kewangan
4. YB.Dato'Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
5. YB.Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
6. YB.Dato'Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
7. YM. Dato' Tengku Kaya Perkasa  
Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha  
Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU.**

**FAIL NO : PTG.KN.44/85 Jld.3(24)  
BERTARIKH : 25 JAMADIL AKHIR 1436H  
15 APRIL 2015**

*PTG.KN.5.1/2/11*

LAMPIRAN I

SENARAI SEMAKAN BORANG KAJIAN AWAL PEMILIKAN TANAH

Catatan

1 A. Maklumat Peribadi Pemohon

- Kad Pengenalan (Salinan)
- Maklumat Suami / Isteri

1 B. Perihal Tanah Yang Dipohon

- Lakaran Pelan
- Pelan C.P / P.A Terbaru daripada Pejabat Ukur (JUPEM)
- Surat Sokongan Penghulu

1 C. Tujuan Permohonan

1 D. Sokongan ADUN / ADR

- Tandatangan ADUN / ADR

---

\* Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja

1 E. Laporan Siasatan Pegawai Petempatan

- Laporan Pegawai Petempatan
- Hasil Deposit Yang Patut Dipungut

1 F. Keputusan Pentadbir Tanah

- Tarikh Lulus

**PEJABAT TANAH DAN JAJAHAN****BORANG KAJIAN AWAL PEMILIKAN TANAH  
( Untuk Tujuan Pentadbiran Sahaja )**

Bertarikh :

---

---

---

Kemajlis,

Yang Amat Berusaha  
Pentadbir Tanah Dan Jajahan

---

Tuan / Puan,

**PERMOHONAN MILIK TANAH KERAJAAN DI BAWAH SEKSYEN 76 K.T.N. 1965**

**MUKIM : DAERAH : SELUAS :**

---

Dengan hormatnya saya memohon dipertimbangkan untuk memiliki tanah sebagaimana butir-butir yang dinyatakan. Bersama-sama ini disertakan satu salinan fotostat kad pengenalan suami/isteri, satu salinan c.p. pelan untuk tindakan tuan selanjutnya.

2. Sekian dan di atas pertimbangan tuan diucapkan terima kasih.

Yang benar,

---

Tandatangan / Cop Ibu Jari Kanan Pemohon  
Bertarikh :

**A. MAKLUMAT PERIBADI PEMOHON**

1. Nama (Huruf Besar) : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Umur : \_\_\_\_\_
5. Tempat Lahir : \_\_\_\_\_
6. Pekerjaan & Jenis Pekerjaan  
(Sendiri/Swasta/Kerajaan) : \_\_\_\_\_
7. Pendapatan : \_\_\_\_\_
8. Lain-lain Pendapatan : \_\_\_\_\_
9. Tempat Lahir Bapa : \_\_\_\_\_
10. Tanah Lain Milik Pemohon : \_\_\_\_\_
11. No. Telefon : \_\_\_\_\_

**B. MAKLUMAT SUAMI / ISTERI PEMOHON**

1. Nama (Huruf Besar) : \_\_\_\_\_
2. No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_
3. Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_
4. Umur : \_\_\_\_\_
5. Tempat Lahir : \_\_\_\_\_
6. Pekerjaan & Jenis Pekerjaan  
(Sendiri/Swasta/Kerajaan) : \_\_\_\_\_
7. Pendapatan : \_\_\_\_\_
8. Lain-lain Pendapatan : \_\_\_\_\_
9. Tempat Lahir Bapa : \_\_\_\_\_

**C. PERIHAL TANAH YANG DIPOHON**

1. Tanah Kerajaan / Tanah Pengambilan :

a) \_\_\_\_\_

2. Tahun Rentahan :

a) Sudah rentah sejak tahun \_\_\_\_\_ / belum rentah.

3. Tanaman kekal yang ada di atas tanah yang dipohon :

a) \_\_\_\_\_

4. Bangunan yang ada di atas tanah :

a) \_\_\_\_\_

**D. TUJUAN PERMOHONAN MILIK TANAH**

( Untuk tanaman / dusun / padi / kelapa sawit / mendirikan bangunan / dll )

**E. SILA KEMBARKAN PELAN KASAR TANAH YANG DIPOHON**

Mukim : . . .

No. Bahagian :  
(Jika Ada)

Tempat : . . .

Sempadan :

Lokasi Tanah

Luas Mengikut : . . .

Utara :

Kiraan Ekar


Jauhnya Dari Bandar, Jalan,  
Jalan Keretapi, Sungai & Pantai  
Yang Hampir Sekali

Selatan :

Timur :

**PELAN TANAH YANG DIPOHON**

SILA LUKISKAN PELAN TANAH YANG DIPOHON DALAM RUANGAN DI BAWAH



Dengan ini saya mengaku bahawa segala kenyataan yang diberi di atas adalah betul dan benar.

**DISOKONG OLEH ADUN / ADR**

---

Cop Ibu Jari Kanan Pemohon  
Bertarikh :

---

Tandatangan Dan Cop  
Bertarikh :

\*\*\*\*\* untuk kegunaan pejabat sahaja \*\*\*\*\*

F. LAPORAN SIASATAN PEGAWAI TANAH

Bil	Kedudukan / Lokasi Tanah Yang Dipohon	Ya	Tidak
1.	Termasuk Dalam Kawasan Penguasa Tempatan (MPKB-BRI, MD .....		
2.	Termasuk Dalm Kawasan Majlis Daerah .....		
3.	Bertindih Dengan Permohonan Lain, No. Fail : .....		
4.	Bertindih Dengan Cadangan Projek Kerajaan : .....		
5.	Dalam Rizab Melayu		
6.	Luar Rizab Melayu		
7.	Keluasan Direntah .....		
8.	Keluasan Yang Dipohon ..... semua/sebahagian 3 ekar		
9.	Nilaian (jika tanah layak dipohon)		
10.	Lain-lain Maklumat Jika Ada		

**ULASAN PENOLONG PEGAWAI TANAH**

---



---

Tandatangan Penolong Pegawai Tanah  
Bertarikh :

**ULASAN KETUA PEN. PEGAWAI TANAH/PEN. PEGAWAI TANAH KANAN**

---



---

Deposit Patut Dipungut RM : \_\_\_\_\_

Nama :  
Bertarikh :